



Media Title : Kosmo
Headline : Cypark catat untung RM21.2 juta
Date : 2 January 2018
Page : 52
Size : 16.4x14.9



Cypark catat untung RM21.2 juta

KUALA LUMPUR - Cypark Resources Bhd. (Cypark) mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.1 juta kepada RM21.2 juta pada suku keempat 2017 berbanding RM14.1 juta yang direkodkan pada tempoh sama tahun sebelum.

Cypark merupakan sebuah syarikat pemaju tenaga boleh diperbaharui (RE) bersepadu dan pembekal teknologi hijau terkemuka di Malaysia.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, keuntungan selepas cukai untuk suku keempat 2017 turut meningkat dengan ketara sebanyak 40.4 peratus kepada RM18.2 juta daripada RM12.9 juta yang dicatatkan pada tempoh sama tahun 2016.

"Pertumbuhan keuntungan yang signifikan disumbangkan oleh bahagian kejuruteraan alam sekitar, bahagian penyelenggaraan serta bahagian teknologi hijau dan RE.

"Kami yakin prestasi kewangan yang kukuh akan diteruskan pada tahun kewangan 2018 kerana projek-projek baharu dan aktiviti perniagaan berasaskan konsesi dijangka meningkatkan operasi, pertumbuhan dan perkembangan masa depan syarikat," katanya di sini baru-



TAMAN solar 8 megawatt milik Cypark di Pajam, Negeri Sembilan.

baru ini.

Cypark berkata, keuntungan sebelum cukai pada suku semasa bagi bahagian kejuruteraan alam sekitar meningkat sebanyak 54 peratus kepada RM14.9 juta.

"Margin keuntungan lebih tinggi ini disebabkan oleh sumbangan yang lebih baik oleh projek-projek baharu yang terjamin.

"Ia juga didorong oleh kejayaan langkah penjimatan kos dalam meningkatkan nilai barangan atau produk dan perkhidmatan syarikat," ujarnya.

Sementara itu, bahagian penyelenggaraan bagi suku semasa turut mencatatkan hasil yang ketara dan peningkatan

keuntungan yang disumbangkan oleh kerja-kerja baharu dalam bidang kepakaran penyelenggaraan yang terjamin ke atas loji-loji rawatan air larut resapan sejak suku ketiga 2017.

Manakala perolehan bagi bahagian tenaga hijau dan RE meningkat sebanyak 14.7 peratus kepada RM12.6 juta, seterusnya menyumbang kepada kenaikan keuntungan sebelum cukai sebanyak 32.7 peratus kepada RM4.1 juta berbanding tempoh sama tahun sebelum.

"Ia disebabkan oleh penjimatan daripada kos pembiayaan projek yang lebih rendah yang dicapai oleh bahagian tersebut dalam suku semasa," jelasnya.